



GARIS PANDUAN

**LAYANAN CUKAI ATAS KEUNTUNGAN PELUPUSAN ASET MODAL ASING
YANG DITERIMA DARI LUAR MALAYSIA**

(TARIKH PENERBITAN: 27 MAC 2024)

**LAYANAN CUKAI KE ATAS KEUNTUNGAN
PELUPUSAN ASET MODAL ASING YANG
DITERIMA DARI LUAR MALAYSIA**

KANDUNGAN	MUKA SURAT
1. Pengenalan	1
2. Tujuan	1
3. Undang – Undang	1
4. Tafsiran	2
5. Orang yang Boleh Dikenakan Cukai	3
6. Keuntungan daripada Pelupusan yang Boleh Dikenakan Cukai	3
7. Kredit Cukai Asing	5
8. Pengecualian Cukai	8
9. Pelaporan Cukai	12
10. Penyimpanan Rekod	12
11. Penafian	13

GARIS PANDUAN KETUA PENGARAH

Seksyen 134A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan Garis Panduan yang Ketua Pengarah fikirkan sesuai atau perlu.

Garis Panduan diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia memperuntukkan penjelasan Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai atau memudahkan pematuhan undang-undang atau apa-apa perkara lain yang berhubungan dengannya.

Ketua Pengarah boleh membatalkan, menyemak atau meminda keseluruhan atau sebahagian daripada Garis Panduan ini dengan penerbitan Garis Panduan yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

1. PENGENALAN

- 1.1 Cukai Keuntungan Modal (CKM) atas keuntungan daripada pelupusan aset modal dikenakan cukai di Malaysia mulai 1 Januari 2024 berdasarkan pindaan kepada peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] melalui Akta Kewangan (No. 2) 2023 [Akta 851].
- 1.2 Pengenaan CKM ini turut merangkumi keuntungan daripada pelupusan aset modal asing yang diterima di Malaysia oleh pemastautin selaras dengan komitmen Malaysia terhadap pematuhan amalan terbaik percukaian di peringkat antarabangsa.
- 1.3 Sebelum 1 Januari 2024, keuntungan daripada pelupusan aset modal asing yang diterima di Malaysia adalah tidak tertakluk kepada cukai.
- 1.4 Pengecualian CKM berhubung keuntungan pelupusan aset modal asing yang diterima di Malaysia diberikan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan berdasarkan P.U. (A) 75/2024.
- 1.5 Pengecualian di perenggan 1.4 adalah tidak terpakai kepada pemastautin yang menjalankan perniagaan perbankan, insurans atau pengangkutan laut atau udara.

2. TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan untuk memberikan penjelasan mengenai layanan cukai berhubung keuntungan daripada pelupusan aset modal asing yang diterima di Malaysia oleh pemastautin.

3. UNDANG-UNDANG

- 3.1 Seksyen 2, 4, 4B, 61, perenggan 6(1)(q), *Bahagian XXI* Jadual 1, dan Jadual 7 di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP); dan
- 3.2 Perundangan subsidiari berkaitan yang dirujuk dalam Garis Panduan ini adalah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2024 [P.U.(A) 75/2024].

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

4. TAFSIRAN

Terma yang digunakan dalam Garis Panduan ini mempunyai maksud berikut:

- 4.1 “Aset modal” bermaksud harta alih atau tak alih termasuk sebarang hak atau kepentingannya.
- 4.2 “Badan amanah”, berkaitan dengan suatu amanah, ertinya badan amanah yang diperuntukkan di bawah seksyen 61 ACP.
- 4.3 “Diterima di Malaysia” bermaksud dipindah atau dibawa masuk ke dalam Malaysia, sama ada dalam bentuk tunai atau melalui pindahan dana elektronik; atau kedua-duanya.
- 4.4 “Keuntungan daripada pelupusan aset modal asing” bermaksud pendapatan di bawah perenggan 4(aa) ACP yang terbit dari luar Malaysia.
- 4.5 “Koperasi” bermaksud mana-mana koperasi yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pendaftaran koperasi di Malaysia.
- 4.6 “Kredit cukai dua belah pihak” bermaksud kredit cukai bagi pendapatan yang tertakluk kepada cukai Malaysia yang telah dikenakan cukai di luar negara yang mana negara tersebut mempunyai Perjanjian Pengelakan Pencukaaian Dua Kali (PPPDK) dengan Malaysia berdasarkan peruntukan Seksyen 132 ACP. Kredit cukai dua belah pihak hanya terpakai sekiranya peruntukan “Penghapusan Cukai Dua Kali” terkandung di dalam PPPDK berkaitan.
- 4.7 “Kredit cukai sebelah pihak” bermaksud kredit cukai bagi pendapatan yang tertakluk kepada cukai Malaysia yang telah dikenakan cukai di luar negara yang mana negara tersebut tidak mempunyai PPPDK dengan Malaysia berdasarkan peruntukan Seksyen 133 ACP.
- 4.8 “Pemastautin” bermaksud bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran berdasarkan seksyen 7, 8 atau subseksyen 61(3) ACP.
- 4.9 “Pindahan dana elektronik” bermaksud *bank transfer (e.g. credit transfer, debit transfer), payment card (debit card, credit card and charge card), electronic money (e-money), privately-issued digital assets (e.g. crypto-assets, stablecoins) dan central bank digital currency (CBDC)*.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 4.10 “Perkongsian Liabiliti Terhad” bermaksud perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.
- 4.11 “Syarikat” bermaksud suatu badan korporat dan termasuk badan orang yang ditubuhkan di bawah entiti undang-undang berasingan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang wilayah di luar Malaysia dan amanah perniagaan.
- 4.12 “Tunai” bermaksud wang kertas, wang syiling dan cek.

5. ORANG YANG BOLEH DIKENAKAN CUKAI

Mulai 1 Januari 2024, keuntungan daripada pelupusan semua jenis aset modal asing yang diterima di Malaysia oleh pemastautin berikut adalah tertakluk kepada cukai:

- (a) Syarikat;
- (b) Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT);
- (c) Badan Amanah; dan
- (d) Koperasi.

6. KEUNTUNGAN DARIPADA PELUPUSAN YANG BOLEH DIKENAKAN CUKAI

- 6.1 Keuntungan daripada pelupusan aset modal asing yang bertempat di luar Malaysia dianggap sebagai pendapatan yang layak dicukai di bawah perenggan 4(aa) ACP tertakluk kepada kadar cukai semasa.
- 6.2 Keuntungan daripada pelupusan aset modal asing yang diterima di Malaysia yang dikenakan cukai merujuk kepada pelupusan aset modal asing yang berlaku pada atau selepas 1 Januari 2024.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Contoh 1

Syarikat A, melupuskan sebuah bangunan pada 1 Oktober 2023 di Negara F. Keuntungan daripada pelupusan diterima di Malaysia pada 1 Februari 2024.

Keuntungan daripada pelupusan bangunan tersebut tidak tertakluk kepada CKM kerana pelupusan berlaku sebelum 1 Januari 2024.

Contoh 2

Syarikat B, melupuskan sebuah bangunan pada 15 Januari 2024 di Negara G. Keuntungan daripada pelupusan diterima di Malaysia pada 1 Oktober 2024.

Keuntungan daripada pelupusan bangunan tersebut tertakluk kepada CKM kerana pelupusan berlaku selepas 1 Januari 2024.

6.3 Contoh aset modal asing yang bertempat di luar Malaysia adalah seperti berikut:

- (a) Harta tidak alih yang bertempat secara fizikal di luar Malaysia seperti bangunan dan tanah;
- (b) Harta alih yang bertempat secara fizikal di luar Malaysia seperti jentera, kenderaan, lekapan, lengkapan, lukisan dan loji;
- (c) Hak harta intelek yang bertempat di luar Malaysia yang dimiliki oleh pemilik atau pemegang lesen hak yang merupakan pemastautin di Malaysia seperti hak cipta, paten, penyelidikan dan pembangunan, perisian komputer dan tanda dagang;
- (d) Saham yang diterbitkan oleh syarikat yang diperbadankan di luar Malaysia yang tidak tertakluk kepada mana-mana peruntukan di bawah ACP.

6.4 Dalam menentukan keuntungan daripada pelupusan aset modal asing yang boleh dicukai, perbelanjaan yang dilakukan keseluruhan dan semata-mata bagi pemerolehan dan pelupusan aset modal boleh dibenarkan di bawah perenggan 65E(2) ACP. Contohnya belanja fi guaman, fi kepada jurunilai, pengiklanan dan belanja untuk tujuan meninggikan atau mengekalkan nilai modal.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

7. KREDIT CUKAI ASING

- 7.1 Keuntungan daripada pelupusan aset modal asing yang diterima di Malaysia yang telah dikenakan cukai di luar Malaysia boleh menuntut kredit cukai dua belah pihak atau sebelah pihak di bawah peruntukan seksyen 132 dan 133 ACP.
- 7.2 Pemastautin yang menuntut kredit cukai mesti menyimpan rekod bahawa cukai asing telah dikenakan ke atas pendapatan tersebut.
- 7.3 Jika kredit cukai yang dituntut untuk suatu tahun taksiran melebihi bahagian cukai Malaysia yang kena dibayar bagi keuntungan pelupusan aset modal asing yang diterima di Malaysia, lebihan kredit cukai tersebut hendaklah diabaikan.

Contoh 3

Megah Sdn. Bhd. (MSB), menerima keuntungan RM300,000 dari pelupusan harta tanah di Negara M pada 5 Januari 2024. Jumlah cukai yang telah dibayar di Negara M adalah RM30,000 mengikut kadar cukai 10%. MSB telah membawa masuk sebahagian keuntungan berjumlah RM200,000 dan diterima di Malaysia pada 10 September 2024.

MSB juga mempunyai pendapatan berkanun faedah dari Malaysia berjumlah RM500,000.

Pengiraan cukai kena dibayar dan kredit cukai seksyen 132 ACP yang layak dituntut oleh MSB bagi Tahun Taksiran (TT) 2024 adalah seperti berikut:

Butiran	RM	RM
Pendapatan berkanun pelupusan aset modal asing		200,000
Pendapatan berkanun faedah		500,000
Pendapatan agregat/ Pendapatan bercukai		700,000
Cukai pada kadar 24%		168,000

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tolak: Kredit cukai Seksyen 132	20,000 ¹	
Cukai kena dibayar		148,000

Nota:

¹Pengiraan:

- (i) Bahagian kredit cukai berhubung keuntungan pelupusan aset modal asing:

$$\begin{aligned}
 &= \frac{\text{Keuntungan pelupusan aset modal asing yang diterima di Malaysia (RM)}}{\text{Jumlah keuntungan pelupusan aset modal asing (RM)}} \times \text{Jumlah cukai asing yang dibayar (RM)} \\
 &= \frac{200,000}{300,000} \times 30,000 \\
 &= \text{RM}20,000
 \end{aligned}$$

- (ii) Kredit cukai dua belah pihak:

$$\begin{aligned}
 &= \frac{\text{Pendapatan berkanun pelupusan aset modal asing (RM)}}{\text{Jumlah pendapatan (RM)}} \times \text{Cukai Malaysia perlu dibayar sebelum kredit dua belah pihak (RM)} \\
 &= \frac{200,000}{200,000 + 500,000} \times 168,000 \\
 &= \text{RM}48,000
 \end{aligned}$$

Atau

RM 20,000,

yang mana lebih rendah.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Kredit dua belah pihak yang dibenarkan bagi TT 2024 adalah RM20,000.

Contoh 4

Kimanid Sdn. Bhd. (KSB), sebuah syarikat pemegangan pelaburan yang diperbadankan di Malaysia, menutup akaunnya pada 31 Disember 2024. KSB tidak mempunyai pekerja memandangkan semua keputusan berkaitan ditentukan oleh syarikat induk.

Dalam TT 2024, KSB memperoleh keuntungan modal daripada pelupusan aset di Negara S.

Pendapatan yang diisytiharkan dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) TT 2024 adalah seperti berikut:

Butiran	RM
Pendapatan kasar sewa di Malaysia (Perbelanjaan sewa dibenarkan RM500,000)	3,005,000
Keuntungan modal daripada pelupusan aset di Negara S	100,000
Derma yang diluluskan	5,000

Keuntungan modal dari Negara S telah tertakluk kepada cukai seperti berikut:

Negara	Kadar Cukai (%)	Cukai yang Dibayar (RM)
Negara S	10	10,000

Pengiraan cukai bagi KSB bagi TT 2024:

Butiran	RM	RM
Pendapatan berkanun sewa (Malaysia) (RM3,005,000 – RM500,000)		2,505,000
Pendapatan berkanun daripada pelupusan aset modal asing		100,000

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Pendapatan agregat		2,605,000
Tolak: Derma yang diluluskan		5,000
Jumlah pendapatan/ Pendapatan bercukai		2,600,000
Cukai pada kadar 24%		624,000
Tolak: Kredit cukai Seksyen 132	10,000 ¹	
Cukai kena dibayar		614,000

Nota:

¹Pengiraan:

Kredit dua belah pihak:

$$\begin{aligned}
 &= \frac{\text{Pendapatan berkanun daripada pelupusan aset modal asing (RM)}}{\text{Jumlah pendapatan (RM)}} \times \text{Cukai Malaysia perlu dibayar sebelum kredit dua belah pihak (RM)} \\
 &= \frac{100,000}{2,600,000} \times 624,000 \\
 &= \text{RM24,000}
 \end{aligned}$$

Atau

RM10,000

yang mana lebih rendah

Kredit dua belah pihak yang dibenarkan bagi TT 2024 adalah RM10,000.

8. PENGECUALIAN CUKAI

Keuntungan daripada pelupusan aset modal asing yang diterima di Malaysia layak dikecualikan cukai mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2026 sekiranya memenuhi syarat substantif ekonomi yang ditetapkan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

8.1 Syarat Kelayakan

8.1.1 Syarat substantif ekonomi adalah seperti berikut:

Kategori Pembayar Cukai	Syarat Substantif Ekonomi
(a) Syarikat; (b) PLT; (c) Badan Amanah; dan (d) Koperasi.	(a) menggaji bilangan pekerja yang mencukupi dengan kelayakan yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti ekonomi tertentu di Malaysia; dan (a) melakukan perbelanjaan operasi yang mencukupi untuk menjalankan aktiviti ekonomi tertentu di Malaysia.

8.1.2 Oleh kerana kaedah operasi yang berbeza di antara industri, penentuan sebarang nilai ambang minimum untuk syarat-syarat substantif ekonomi yang bersesuaian adalah berdasarkan kepada fakta sesuatu kes. Faktor-faktor yang akan diambil kira termasuk:

- (a) bilangan pekerja yang mengambil kira jenis aktiviti yang berkaitan, contohnya sama ada ia adalah industri berintensif modal atau buruh;
- (b) sama ada pekerja bekerja secara sepenuh masa atau sambilan; dan
- (c) sama ada premis pejabat telah digunakan untuk menjalankan aktiviti yang berkaitan dan sama ada premis itu mencukupi untuk aktiviti tersebut.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Contoh 5

Tech Innovate Sdn. Bhd. (TISB), sebuah syarikat pengilangan di Malaysia telah menggaji 150 orang pekerja dan membuat perbelanjaan operasi berjumlah RM1,000,000 dalam tahun 2024.

TISB menjual sebuah bangunan yang berada di negara T kepada sebuah syarikat di negara tersebut dengan keuntungan pelupusan sebanyak RM500,000 yang diterima di Malaysia pada Februari 2024. Jumlah cukai yang telah dibayar di negara T adalah RM40,000.

Keuntungan daripada pelupusan aset modal asing berjumlah RM500,000 dikecualikan daripada pengenaan CKM kerana TISB telah memenuhi syarat substantif ekonomi di Malaysia.

8.1.3 Aktiviti ekonomi tertentu bermaksud:

(a) Entiti pemegangan pelaburan

- i. Memegang dan mengurus penyertaan ekuitinya dalam entiti lain; atau
- ii. Membuat keputusan strategik yang perlu berkenaan dengan mana-mana aset yang diperolehi, dipegang atau dilupuskan oleh entiti; dan mengurus dan menanggung risiko utama berkenaan dengan aset tersebut.

(b) Entiti selain pemegangan pelaburan

Dalam keadaan syarikat, PLT, badan amanah dan koperasi menjalankan perdagangan, profesion atau perniagaan di Malaysia, aktiviti ekonomi tertentu adalah merujuk kepada operasi perniagaan yang dijalankan.

8.1.4 Pengarah yang boleh dianggap sebagai pekerja adalah *service director* yang digajikan berdasarkan *contract of service* dan bukan *contract for service*. Oleh itu, *non-service director* adalah bukan dianggap sebagai pekerja.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

8.1.5 Penyumberluaran aktiviti ekonomi tertentu oleh syarikat, PLT, badan amanah dan koperasi kepada entiti penyumberluaran adalah dibenarkan jika syarat-syarat berikut dipatuhi:

- (a) Aktiviti ekonomi tertentu dijalankan oleh entiti penyumberluaran di Malaysia;
- (b) Syarikat, PLT, badan amanah dan koperasi telah melaksanakan pemantauan dan kawalan yang mencukupi ke atas pelaksanaan aktiviti ekonomi tertentu oleh entiti penyumberluaran;
- (c) Entiti penyumberluaran secara amnya dijangka mengenakan bayaran kepada syarikat, PLT, badan amanah dan koperasi untuk aktiviti ekonomi tertentu yang dilaksanakan tertakluk kepada penggunaan peraturan harga pindahan;
- (d) Bilangan pekerja berkelayakan yang diambil bekerja dan jumlah perbelanjaan mengurus yang ditanggung oleh entiti penyumberluaran di Malaysia adalah setara dengan tahap aktiviti ekonomi tertentu yang dijalankan oleh entiti penyumberluaran; dan
- (e) Tiada pengiraan berganda jika entiti penyumberluaran menyediakan perkhidmatan kepada lebih daripada satu syarikat, PLT, badan amanah dan koperasi.

Contoh 6

Igrene Sdn Bhd (ISB) adalah sebuah syarikat pemegang pelaburan pemastautin di Malaysia yang terlibat dalam sektor hartanah. Syarikat tidak mempunyai pekerja.

Aktiviti pelaburan dan pengurusan aset syarikat dijalankan secara penyumberluaran dengan melantik Emerald Sdn. Bhd (ESB) untuk menjalankan aktiviti fungsi pelaburan dan pengurusan aset ISB. Pemantauan dan kawalan dilaksanakan ke atas aktiviti penyumberluaran ini untuk memastikan syarat substantif ekonomi dipatuhi.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

ISB menjual hartanah di negara Z dengan keuntungan pelupusan sebanyak RM700,000 pada Mac 2024. Jumlah cukai yang telah dibayar di negara Z adalah RM126,000. Keuntungan pelupusan aset modal diterima di Malaysia pada Julai 2024.

ISB telah memenuhi semua syarat penyumberluaran seperti yang dinyatakan di perenggan 8.1.5.

Oleh itu, ISB dianggap mempunyai substantif ekonomi di Malaysia dan layak untuk mendapatkan pengecualian cukai bagi keuntungan pelupusan hartanah yang diterima di Malaysia.

9. PELAPORAN CUKAI

- 9.1 Pembayar cukai hendaklah melaporkan keuntungan daripada pelupusan aset modal asing yang diterima di Malaysia dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran di dalam BNCP.
- 9.2 Walaupun pembayar cukai layak menuntut pengecualian cukai pembayar cukai masih perlu melaporkan keuntungan daripada pelupusan aset modal asing tersebut di dalam BNCP seperti berikut:
 - (a) Jenis dan jumlah pendapatan luar negara;
 - (b) Negara di mana pendapatan terbit;
 - (c) Jumlah cukai yang dikenakan di luar negara; dan
 - (d) Apa-apa maklumat yang akan ditentukan selain di perenggan 9.2 (a) hingga 9.2 (c).

10. PENYIMPANAN REKOD

- 10.1 Pembayar cukai hendaklah menyimpan dokumen-dokumen yang berkaitan selaras dengan peruntukan Seksyen 82 dan Seksyen 82A ACP 1967 yang menunjukkan pendapatan tersebut telah dikenakan cukai di luar negara.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 10.2 Dokumen sokongan untuk butiran seperti di perenggan 9.2 hendaklah disimpan bagi tujuan pengauditan.
- 10.3 Berdasarkan peruntukan Perenggan 9 Jadual 7 ACP, sebarang tuntutan untuk kredit dua belah pihak bagi suatu tahun taksiran hendaklah dibuat secara bertulis kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri tidak lebih daripada dua tahun selepas akhir tahun taksiran tersebut.

11. PENAFIAN

Contoh-contoh dalam Garis Panduan ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

27 MAC 2024

s.k. LHDN.01/35/(S)/42/51/211